

20/09/1998

Tidak wajar suruh PM letak jawatan

KUALA LUMPUR: Beberapa pemimpin kanan Umno semalam membidas Datuk Seri Anwar Ibrahim kerana mencabar Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meletakkan jawatan.

Menurut mereka, Anwar kini cuba mengalih perhatian terhadap masalah yang dihadapinya dengan membuat cabaran kepada Dr Mahathir.

Menteri Pendidikan, Datuk Seri Najib Razak yang juga Naib Presiden Umno berkata, dakwaan kononnya Dr Mahathir perlu meletak jawatan kerana tidak lagi mahu mendengar nasihat tidak timbul sama sekali.

Mengikut Perlembagaan dan sistem demokrasi berparlimen, katanya, kedudukan Dr Mahathir bergantung kepada sokongan Ahli Dewan Rakyat yang ketika ini memberi sokongan kepadanya.

Menurutnya, kedudukan Dr Mahathir sebagai Presiden Umno pula mendapat sokongan bulat perwakilan dan Majlis Tertinggi (MT) Umno.

"Menerusi pilihan raya umum lalu, kerajaan diberi mandat selama lima tahun dan tidak timbul Dr Mahathir perlu meletakkan jawatan.

"Yang penting dan dipertikai ialah kedudukan dan masalah dia (Anwar). Jadi, mengapa dia menyerang Dr Mahathir, polis, hakim dan orang lain. Dia sudah beralih daripada isu sebenarnya," katanya kepada pemberita di Baling, semalam.

Mengenai kritikan Anwar terhadap kerajaan, Dr Mahathir serta Kabinet, Najib berkata, semua keputusan yang diambil Kabinet adalah berdasarkan tanggungjawab bersama.

"Anwar pun tahu ada cadangan Perdana Menteri yang Kabinet tidak setuju. Tapi yang penting apabila keputusan dibuat, kita semua mesti patuh dan terima keputusan itu sebagai tanggungjawab bersama.

"Mungkin ada pendapat kontra tetapi majoriti sokong dan kita kena terima keputusan atau (jika sebaliknya) kita kena keluar daripada Kabinet," katanya.

Sementara itu, Menteri Penerangan Datuk Mohamed Rahmat, berkata Anwar tiada hak mencabar Perdana Menteri meletakkan jawatan kerana keputusan itu adalah hak rakyat.

Beliau berkata, Umno memberi mandat besar kepada Dr Mahathir selaku presiden parti.

"Apa yang dikatakannya (Anwar) adalah hak peribadi dia tetapi selagi ahli parti masih yakin dan menyokong Presiden, hak itu tidak boleh diambil oleh orang lain ... hak itu memang ada pada rakyat," katanya selepas mengadakan lawatan ke beberapa tempat di Kompleks Sukan Bukit Jalil semalam.

Ketika berucap dalam satu perhimpunan di Kuala Terengganu kelmarin, Anwar mencabar Dr Mahathir meletakkan jawatan jika sudah tidak mahu mendengar nasihat orang lain.

Di KUANTAN, Menteri Besar, Tan Sri Mohd Khalil Yaakob, berkata Anwar tiada asas menuntut Perdana Menteri meletakkan jawatan.

"Apakah asas Anwar. Dia bukannya ahli Umno, parti yang menentukan kedudukan Dr Mahathir dalam parti, seterusnya dalam kerajaan. Anwar bukan anggota kerajaan lagi," katanya.

Ketua Umno bahagian Kuantan, Datuk Fauzi Abdul Rahman, berkata cabaran Anwar terhadap Dr Mahathir supaya meletakkan jawatan sebagai Perdana Menteri adalah haknya sebagai rakyat biasa.

Menurutnya, Anwar berhak bersuara tetapi perlu mengikut undang-undang dan Perlembagaan.

Di KAMPUNG GAJAH, Menteri Besar Perak, Datuk Ramli Ngah Talib berkata, Anwar sudah hilang pedoman politik apabila mencabar Perdana Menteri supaya meletak jawatan.

Menurutnya, ahli Umno dan rakyat berdiri teguh di bawah pimpinan Dr Mahathir.

Di SHAH ALAM, Menteri Besar, Datuk Abu Hassan Omar berkata rakyat masih memerlukan khidmat Dr Mahathir untuk menyelamatkan negara daripada pelbagai masalah.

"Saya amat hairan permintaan Anwar supaya Dr Mahathir meletakkan jawatan atas alasan tidak mendapat sokongan rakyat.

"Sebenarnya, Dr Mahathir masih mendapat sokongan tidak berbelah bagi daripada seluruh ahli Umno dan sebahagian besar rakyat Malaysia," katanya selepas merasmikan Bangunan Fasa II dan Mesyuarat Agung Tahunan Ke II, Kelab Shah Alam di sini, semalam.

Di MELAKA, Bekas Timbalan Perdana Menteri, Tun Ghafar Baba berkata beliau belum pernah dengar rakyat minta Dr Mahathir meletak jawatan sebaliknya Perdana Menteri didoakan terus sihat kerana boleh dipercayai mampu menangani kegawatan ekonomi.

Katanya, kalau ada permintaan meletak Perdana Menteri yang berkesan sekali ialah Barisan Nasional (BN) yang menghitam dan memutihkan politik Malaysia.

"Saya tidak pernah dengar seorang pun baik ahli atau pun pemimpin parti komponen BN yang meminta Perdana Menteri meletakkan jawatan," katanya.

(END)